

Company Name : NexG Berhad
Date : 7 July 2025
Source : Berita Harian

NexG Menang Lanjutan Kontrak Daripada Kementerian Dalam Negeri



NexG raih lanjutan kontrak pembekalan kad mentah dan bahan guna habis MyKad, MyTentera dan MyPOCA - Foto laman web NexG

KUALA LUMPUR: NexG Bhd, yang sebelum ini dikenali sebagai Datasonic Group Bhd, memperoleh empat lanjutan kontrak daripada Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk meneruskan pembekalan dan penyelenggaraan perkhidmatan pasport dan kad pengenalan.

Dua daripada lanjutan kontrak tersebut, yang dianugerahkan kepada anak syarikatnya, Datasonic Technologies Sdn Bhd bernilai keseluruhan RM45.54 juta.

Dua lagi lanjutan kontrak adalah lanjutan masa sahaja tanpa penambahan jumlah kontrak, menurut syarikat itu dalam satu makluman kepada Bursa Malaysia.

Satu lanjutan selama enam bulan, berkuat kuasa sehingga 31 Mei 2026, telah diberikan bagi pembekalan kad mentah dan bahan guna habis MyKad, MyTentera dan MyPOCA kepada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), dengan nilai siling kontrak ketiga berjumlah RM29.68 juta.

Sementara itu, kontrak syarikat untuk menyelenggara pusat pemperibadian kad di JPN menerima lanjutan selama 14 bulan dengan nilai siling tambahan sebanyak RM15.86 juta.

Dua lanjutan kontrak selebihnya melibatkan pembekalan dokumen pasport Malaysia dan halaman biodata polikarbonat kepada Jabatan Imigresen.

Semua lanjutan kontrak tersebut akan mula berkuat kuasa pada 1 Disember 2025.